

SPR tidak guna biometrik kerana dakwat kekal berkesan
Malaysian Insider
Aug 15 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak berhasrat untuk meneruskan cadangan bagi menggantikan penggunaan sistem dakwat kekal kepada sistem biometrik selagi undang-undang belum dipinda, kata Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Pengerusi SPR berkata, walaupun terdapat kelemahan dengan dakwat kekal pada pilihan raya umum ke 13 (PRU13), ia dapat diatasi semasa pilihan raya kecil (PRK) di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut baru-baru ini.

"Umum harus mengetahui sistem dakwat kekal dan biometrik adalah berbeza. Jika mahu ditukar ia bukan boleh dibuat semudah itu," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider.

"Setakat ini sistem dakwat kekal masih diteruskan termasuk dalam pilihan raya terbaru iaitu PRK Kuala Besut kerana undang-undang adalah seperti itu," katanya.

Beliau berkata, dakwat kekal akan terus relevan diguna pakai dalam pilihan raya kelak berdasarkan kejayaan pada PRK Kuala Besut lalu.

"Apa yang pasti kita sudah berjaya dalam PRK Kuala Besut dan kita tidak menghadapi sebarang masalah di sana maka kita yakin kelak pun kita akan berjaya.

"Saya berharap akan datang tidak akan timbul sebarang isu lagi mengenai dakwat kekal ini, tidak akan lagi pihak yang bersungguh membasuh jari mereka seperti PRU 13," katanya.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan untuk menggantikan penggunaan dakwat kepada sistem biometrik.

Beliau berkata demikian dalam penggulungan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 peringkat jawatankuasa pada persidangan Dewan Rakyat 17 Julai lalu.

Katanya, pembangkang menuntut SPR menggunakan dakwat kekal namun apabila dilaksanakan suruhanjaya itu dikritik pula.

Cadangan Shahidan turut mendapat sokongan dari Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Tan Sri Annuar Musa dengan menegaskan isu dan polemik dakwat kekal seperti tiada kesudahan berikutan pihak yang tidak menang dalam pilihan raya terpaksa mencari sesuatu alasan tentang kekalahan mereka.

Mengenai sistem biometrik, Annuar berkata, Malaysia mempunyai sistem pendaftaran komprehensif berasaskan kad pengenalan yang mempunyai kawalan begitu ketat dan kemas.

"Kita sudah ada sistem yang cukup bagus tetapi kita melayani dengan soal dakwat, bila kita buat dakwat kekal, ada orang timbulkan pula termasuk berasa was-was air sembahyang sah atau tidak.

"Jika sistem biometrik itu sebagai satu alternatif, adakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sama sekali sistem menggunakan dakwat kekal berikutan banyak negara tidak menggunakan sistem calit di jari pada masa ini," katanya.

Dalam pilihan raya 5 Mei, SPR dikritik hebat oleh Pakatan Rakyat (PR) dan badan bukan kerajaan (NGO) kerana dakwat kekal mudah tertanggal.

Ribuan pengundi membuat laporan polis semasa hari pilihan raya kerana dakwat kekal boleh ditanggalkan selepas beberapa jam mengundi.

Sebagai respon kepada itu, Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar mengatakan beliau tidak boleh mengesahkan kualiti dakwat kekal.

Abdul Aziz berkata, Kementerian Kesihatan menghantar surat kepada SPR menggesa nitrat perak tidak boleh melebihi satu peratus untuk tujuan kesihatan.

Tetapi kenyataan ini dinafikan oleh Kementerian Kesihatan pada 6 Jun.

Sehingga hari ini, SPR masih belum menunjukkan surat Kementerian Kesihatan itu. - 15 Ogos, 2011.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-tidak-guna-biometrik-kerana-dakwat-kekal-berkesan>